



Raja Perlis terima menghadap Duta Ecuador

UM | 13-7-12 | 31 | 310 | PS - Raja Perlis

KANGAR 12 Julai - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid berkenan menerima menghadap Duta Besar Ecuador ke Malaysia, Lourdes Puma Puma di Istana Arau hari ini.

Majlis menghadap itu sempena lawatan kerja Puma Puma beberapa

hari ke Perlis.

Semasa berada di Perlis, duta itu turut menghadiri majlis pelancaran pameran fotografi Ecuador bertemakan *Sons of The Sacred Waterfalls* yang dirasmikan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Mes Pegawai Kanan Polis di sini.

TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail (empat dari kiri) dan Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid (empat dari kanan) mendengar taklimat mengenai logo bendera Ecuador daripada Lourdes Puma Puma (kanan) di Istana Arau, Perlis, semalam.